



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Buletin IQRA'

2026

Bil. 2/2026 - Februari • eISSN: 2735-1920



VISI, MISI, MOTO, FALSAFAH & OBJEKTIF

VISI

Universiti unggul pemacu Bumiputera Profesional

MISI

Melonjak keilmuan, adab dan kepakaran bumiputera agar berjiwa usahawan melalui kurikulum termaju, pembangunan bakat, penyelidikan berimpak, dan sinergi industri ke arah kemakmuran tanah air serta kesejahteraan sejagat

MOTO

Usaha, Takwa, Mulia


FALSAFAH

Kita percaya Allah SWT menganugerahi manusia dengan bakat, minat dan kecenderungan yang sekiranya diasuh, dididik dan dilatih dengan sempurna melalui penajaan, pemindahan dan pengintegrasian ilmu secara terbuka serta penerapan nilai-nilai Islam, mereka berkemampuan menjuarai transformasi diri, masyarakat dan negara

OBJEKTIF

1. Memperluas akses pendidikan tinggi
2. Menyediakan pendidikan terkehadapan bertaraf dunia
3. Menawarkan program akademik yang memenuhi keperluan industri yang sentiasa berubah untuk kemajuan negara dan kemakmuran global
4. Menggilap kepimpinan graduan holistik, serba boleh dan berciri keusahawanan yang kompetitif sehingga ke peringkat global
5. Memperkasa penghayatan falsafah dan nilai warga UiTM melalui program pengukuhan insan dan suri teladan
6. Mengungguli keserjanaan ilmu terkehadapan melalui penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan berimpak tinggi serta lestari
7. Melebar luas jaringan melalui sinergi bersama alumni, industri, akademia, komuniti dan kerajaan untuk memperkasakan bidang tumpuan strategik universiti
8. Menjuarai kecemerlangan organisasi melalui tadbir urus yang efektif dan efisien selari dengan agenda kelestarian global
9. Menyediakan infrastruktur kondusif dan ekosistem digital terkehadapan
10. Menjana pendapatan, mengurus sumber dan kewangan dengan cekap, telus, berintegriti dan efektif bagi kelestarian organisasi

Kelulusan Mesyuarat | Lembaga Pengarah Universiti: (LPU) ke-208, bertarikh 23 September 2025


(YABhg. Prof. Datuk Hj. Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin, FASc)
13 November 2025 | 1447 جمادى الأولى 22

SIDANG **REDAKSI**

Penasihat

Ts. Haji Azizi Haji Jantan

Ketua Pustakawan

Editor

Puan Nurul Fariah Sarmin Panut

Timbalan Ketua Pustakawan (M) (KUP)

Penyelaras

Encik Mohd Alfarabie Mohd Nasir

Pustakawan Kanan

Reka Bentuk Grafik

Encik Muhammad Amirul Mohd Desa

Pembantu Pustakawan

CATATAN KETUA PUSTAKAWAN

MAJLIS PEMBUKAAN KEDAI BUKU SEJARAH DUNIA DI CEB CAFE MELAKA



13 Syaaban 1447H | 1 Februari 2026 – Alhamdulillah berkesempatan menghadiri Majlis Pembukaan Kedai Buku Sejarah Dunia di CEB Cafe Melaka yang dirasmikan oleh Mohd Ali Mohd Rustam serta dihadiri tokoh kepimpinan dan akademik negara. Program ini menegaskan peranan perpustakaan sebagai pemangkin budaya ilmu dan pemikiran kritis, dan Perpustakaan UiTM terus komited memperluas akses bacaan berkualiti serta menyemarakkan minat terhadap sejarah. Penghargaan kepada pasukan PTAR UiTM Melaka atas sumbangan kepakaran dalam menjayakan inisiatif ini.



SCAN

PROGRAM KEPIMPINAN PERPUSTAKAAN SIRI 5

03 Februari 2026

Memperkasakan Kepimpinan Perpustakaan melalui Naratif Ilmu

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 5 menampilkan perkongsian oleh YBrs. Profesor Madya Dr. Suhamee bin Saahar@Saabar, Pengarah Pusat Pengajian Perang Saraf, Media & Informasi UiTM, bertajuk "Naratif Masa Hadapan: Kuasa Cerita dalam Ekosistem Ilmu dan Maklumat." Sesi ini menekankan peranan naratif, penceritaan dan komunikasi strategik sebagai elemen penting dalam kepimpinan perpustakaan serta pemerkasakan ekosistem ilmu digital masa hadapan. Disiarkan secara langsung melalui YouTube Perpustakaan UiTM.



SCAN

CATATAN KETUA PUSTAKAWAN

LAWATAN KERJA KETUA PUSTAKAWAN KE PTAR UITM CAWANGAN PERAK KAMPUS TAPAH



SCAN

MAJLIS AMANAT KETUA PUSTAKAWAN UiTM 2026




11 Februari 2026 – Amanat Ketua Pustakawan UiTM 2026 menegaskan tahun ini sebagai fasa memperkukuh peranan perpustakaan yang berintegriti dan relevan selaras aspirasi UiTM 2030, dengan sembilan fokus strategik utama. Keutamaan diberikan kepada digitalisasi, pembudayaan ilmu dan tadbir urus telus demi memasyarakatkan khazanah ilmu universiti.




SCAN

TERIMA KASIH WARGA ILMU UiTM!



Sebanyak 14,351,811 pengguna direkodkan sepanjang 2025, mencerminkan kepercayaan tinggi dan transformasi digital Perpustakaan UiTM. Daripada jumlah itu, 1.47 juta hadir secara fizikal manakala 12.89 juta mengakses secara maya, membuktikan perkhidmatan ilmu yang beroperasi tanpa batas ruang dan masa. Terima kasih kepada seluruh warga universiti dan komuniti yang terus menggerakkan ekosistem pembudayaan ilmu ini.



TAKLIMAT REPOSITORI DATA PENYELIDIKAN UiTM DI BENGKEL PENYUNTINGAN NASKHAH JURNAL UiTM



“Taklimat Repositori Data Penyelidikan UiTM telah diadakan sempena Bengkel Penyuntingan Naskhah Jurnal UiTM yang menghimpunkan para penyunting jurnal. Sesi oleh wakil PTAR UiTM Shah Alam menekankan kepentingan pengurusan dan perkongsian data secara sistematik bagi menyokong penyelidikan serta penerbitan yang telus dan berkualiti.



PUSTAKAWAN MEMACU TRANSFORMASI DIGITAL KATALOG: BENGKEL PEMBANGUNAN APLIKASI STANDARD PENGKATALOGAN RDA UiTM



Bengkel Pembangunan Aplikasi Standard Pengkatalogan RDA Perpustakaan UiTM telah diadakan pada 4–5 Februari 2026 di PTAR UiTM Shah Alam bagi memperkasa kemahiran pengkatalogan digital dalam kalangan pustakawan. Bengkel ini memfokuskan penggunaan aplikasi RDA, migrasi manual ke pangkalan data digital serta asas penyelenggaraan sistem, sekali gus menonjolkan peranan pustakawan sebagai penggerak inovasi dan transformasi perpustakaan.



SCAN

SUMBANGAN BUKU PERKAYA KOLEKSI ILMU PERPUSTAKAAN



6 Februari 2026

SUMBANGAN BUKU PERKAYA KOLEKSI ILMU PERPUSTAKAAN

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah menerima sumbangan 10 naskah buku hasil sumbangan Puan Rosnah, mantan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) sebuah syarikat Exxon yang berpangkalan di Dallas, Amerika Syarikat. Sumbangan berharga ini mencerminkan komitmen berterusan alumni dan tokoh profesional dalam menyokong pembudayaan ilmu serta pengayaan koleksi perpustakaan universiti. Bahan bacaan yang disumbangkan merangkumi karya pemikiran dan penulisan bernilai tinggi yang berpotensi dimanfaatkan oleh warga UiTM khususnya dalam aspek rujukan, penyelidikan dan pengembangan minda.



SCAN

RESEARCH BOOTCAMP PROGRAMME POSTGRADUATE STUDENTS, FACULTY OF ACCOUNTANCY, UiTM SHAH ALAM



Program ini telah diadakan pada 6 Februari 2026 di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), melibatkan 20 pelajar pascasiswazah. Sesi kendalian Unit Literasi Maklumat memberi pendedahan berkaitan kemahiran pencarian literatur, etika penerbitan dan penggunaan alat sokongan penyelidikan bagi meningkatkan kualiti penulisan serta penerbitan akademik.



SUKARELAWAN MEMPERKASA EKOSISTEM KOLEKSI DIGITAL PTAR



Pada 9–10 Februari 2026, Projek Muat Naik Imej Hadapan Buku ke dalam sistem PERMATA telah dilaksanakan di PTAR dengan kerjasama pelajar Fakulti Sains Maklumat UiTM Kampus Rembau. Sebanyak 517 rekod buku berjaya dikemas kini bagi meningkatkan paparan visual dan kemudahan capaian koleksi. Sukarelawan turut diberi pendedahan asas pengurusan metadata berasaskan RDA, sekaligus menyokong pembangunan kemahiran profesional dan memperkukuh kualiti koleksi digital PTAR.



JEJAK WARISAN, AMANAH ILMU: SUMBANGAN KOLEKSI KHAS KE PTAR UITM



PTAR UiTM merakamkan penghargaan atas sumbangan koleksi khas Melayu, Minangkabau dan Wali-Songo daripada Dato' Dr. Mohamed Razali bin Dato' Mohamed Yusoff, Pengerusi ADAB. Sumbangan ini memperkaya khazanah warisan dan mengukuhkan peranan perpustakaan sebagai pusat rujukan peradaban Melayu. PTAR komited memelihara serta memartabatkan koleksi ini demi manfaat warga universiti dan masyarakat.



PEMERKASAAN INSTRUKTUR PTAR: MEMACU LITERASI MAKLUMAT & RESEARCH DATA MANAGEMENT



Buletin, Koleksi Dan Peristiwa

**BAHAGIAN ARKIB
UNIVERSITI**

2026

Bil. 2/2026 - Februari • eISSN: 2735-1920

PERISTIWA 1 FEBRUARI 2020



Pada 1 Februari 2020, seramai 95 pelajar Kor Kesatria Brass Band berjaya menamatkan Latihan Intensif Brass Band (LIBB) Siri ke-48 di Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam, selepas mengikuti latihan berstruktur anjuran Pusat Kokurikulum dan PERPAKES. Program ini memperkukuh kemahiran muzik serta disiplin kawad pancaragam, dengan persembahan 15 lagu menggunakan sepenuhnya alat muzik brass.



SCAN

PERISTIWA 2 FEBRUARI 1989



Pameran Burung Batik yang berlangsung pada 2 Februari 1989 di Balai Seni, Menara Maybank menampilkan karya batik bertemakan burung yang menyerlahkan kehalusan seni serta keunikan warisan tekstil tempatan. Majlis turut diserikan dengan penyerahan cenderamata oleh Mohamed Rahmat sebagai tanda sokongan terhadap penggiat seni. Program ini mencerminkan komitmen Institut Teknologi MARA dalam memperkasa seni dan reka bentuk serta memartabatkan warisan budaya negara.



SCAN

PENYERAHAN KOLEKSI PERIBADI AKADEMIK KE ARKIB UNIVERSITI



Pada 3 Februari 2026, Profesor Madya Dr. Ho Wee Chee dari Akademi Pengajian Bahasa menyerahkan rekod penting universiti daripada koleksi peribadi beliau kepada Pengarah Bahagian Arkib Universiti, Encik Ahmad Amiri Mohamad. Penyerahan sempena persaraan beliau ini mencerminkan sumbangan akademik dan dedikasi sepanjang perkhidmatan, serta menjadi khazanah rujukan berharga untuk generasi akan datang.



SCAN

MALAM PUISI GPMS-ITM PERKASA BAHASA DAN SASTERA KAMPUS



Malam Puisi GPMS-ITM yang diadakan pada 5 Februari 1990 menampilkan pemuisi terkenal seperti Pyan Habib, Zubir Ali dan Khalid Salleh, serta jemputan luar termasuk Aladin Nawawi dan Weedygoh dari Indonesia. Program tahunan sempena Minggu GPMS-ITM ini bertujuan memupuk minat penulisan dan memperkukuh penguasaan Bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar. Hampir 1,500 pelajar hadir memeriahkan acara yang berlangsung di Menara Sultan Abdul Aziz Shah, sekali gus membuktikan sambutan yang amat menggalakkan.



SCAN

AUDITION PENUNTUT ITM BERSAMA RTM PERKASA BAKAT PENYIARAN



Sesi audition penuntut ITM bersama Radio Televisyen Malaysia pada 6 Februari 1988 di Oditorium PSPP, ITM Shah Alam melibatkan ujian rakaman kamera, persembahan, temu duga dan penilaian panel bagi menilai bakat pelajar dalam bidang penyiaran dan komunikasi. Program ini mencerminkan kerjasama antara institusi pengajian tinggi dan industri penyiaran dalam memberi pendedahan serta peluang pembangunan profesional kepada pelajar.



SCAN

PERASMIAN EXPO OLEH Y.B. DR. LEO MICHAEL TOYAD



Pada 9 Februari 1988, Timbalan Menteri Pendidikan ketika itu, Leo Michael Toyad, telah merasmikan Expo yang berlangsung di Dewan Sri Budiman selama dua hari, menghimpunkan pelbagai organisasi dalam platform perkongsian maklumat dan pameran. Majlis ini turut disertai pemeteraian MoU antara Institut Teknologi MARA, MIMOS dan SIRIM bagi memperkukuh kerjasama dalam penyelidikan, pembangunan serta perkongsian teknologi dan kepakaran.



SCAN

KAD PENGENALAN PENUNTUT MAKTAB MARA - INSTITIUT TEKNOLOJI MARA



Koleksi kad pelajar berusia 60 tahun di Bahagian Arkib Universiti menampilkan sejarah penuntut Maktab MARA dan Institut Teknologi MARA. Kadboard hijau dan merah gelap dengan teks emas memaparkan maklumat peribadi, gambar pasport, kursus, alamat, tarikh masuk, nombor kad lama, dan tandatangan. Koleksi ini membangkitkan nostalgia dan menghargai memori alumni lama dan baru ITM–UiTM.



SCAN

LAWATAN AKADEMIK PELAJAR DIPLOMA PENGURUSAN MAKLUMAT KE BAHAGIAN ARKIB UNIVERSITI



Seramai enam pelajar Diploma Pengurusan Maklumat dari Kampus Rembau mengadakan lawatan ke Bahagian Arkib Universiti bagi mendapatkan pendedahan praktikal berkaitan pengurusan rekod dan arkib. Lawatan ini memberi peluang kepada pelajar memahami fungsi arkib serta melihat kemudahan dan koleksi institusi secara dekat, sekali gus mengukuhkan pengetahuan teori dan memupuk minat terhadap kerjaya dalam bidang arkib dan pengurusan maklumat.



SCAN

KURSUS PENGURUSAN REKOD PERKUKUH TADBIR URUS DI PEJABAT KOMUNIKASI STRATEGIK



Kursus Pengurusan Rekod yang diadakan pada 10 Februari 2026 bertujuan memperkukuh amalan pengurusan rekod secara sistematik dan mematuhi perundangan. Diketuai oleh Puan Azura Mohamad Hashim, kursus ini memberi pendedahan tentang punca kuasa, pengendalian surat, klasifikasi fail serta penggunaan Digital Document Management System (DDMS). Turut ditekankan aspek penyimpanan, pemeliharaan, pengurusan rekod tidak aktif dan pelupusan mengikut prosedur, sekali gus meningkatkan kompetensi warga jabatan dalam mengurus rekod secara teratur dan berintegriti.



SCAN

BENKEL AUDIT PENGURUSAN REKOD PERKUKUH TADBIR URUS ARKIB UITM



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM melalui Bahagian Arkib Universiti menganjurkan Bengkel Pelaksanaan Audit Pengurusan Rekod pada 11–12 Februari 2026 di Universiti Teknologi MARA Shah Alam. Bengkel dua hari ini melibatkan 28 peserta dari Unit Arkib Cawangan dan dibimbing oleh Puan Azura Mohamad Hashim serta Puan Azniza Mohamad Nor. Program ini bertujuan memperkukuh kefahaman dan pelaksanaan audit rekod secara sistematik, selaras dengan keperluan perundangan dan piawaian institusi, sekali gus meningkatkan pematuhan serta kecekapan tadbir urus rekod universiti.



SCAN

PETRA K. GHANI DINOBATKAN OLAHRAGAWAN ITM 1992



Saudara Petra K. Ghani diumumkan sebagai Olahragawan ITM 1992 dalam Majlis Makan Malam Anugerah Sukan ITM 1992 yang diadakan pada 17 Februari 1993 di Vintage Ballroom, Holiday Villa, Subang Jaya. Atlet lontar peluru ini turut merupakan peserta kedua terbaik negara serta menerima Anugerah Emas Institut Cawangan Sabah bersama hadiah wang tunai, blazer, lencana emas dan sijil. Anugerah disampaikan oleh Zainal Nordin dan majlis tersebut turut dihadiri beberapa tokoh kenamaan serta atlet negara. Kategori Olahragawan dan Olahragawati ITM diperkenalkan buat pertama kali, namun hanya pemenang Olahragawan diumumkan pada tahun berkenaan.



SCAN

KONVENSYEN PEMIMPIN PELAJAR ITM PERKUKUH HALA TUJU KEPIMPINAN MAHASISWA



Konvensyen Pemimpin-Pemimpin Pelajar ITM yang diadakan pada 19 Februari 1989 di PSP, ITM Shah Alam menghimpunkan barisan kepimpinan mahasiswa bagi membincangkan peranan dan tanggungjawab mereka dalam menyokong aspirasi institusi. Majlis dirasmikan oleh Mohd Mansor bin Haji Salleh dan menekankan kepentingan kepimpinan berintegriti serta berwibawa. Program ini memperkukuh kerjasama antara pelajar dan pentadbiran, sekali gus membentuk pemimpin berkaliber dan berjati diri.



SCAN

MALAM KIAMBANG BERTAUT 1988 SATUKAN WARGA DAN ALUMNI INSTITUSI



“Malam Kiambang Bertaut” yang berlangsung pada 20 Februari 1988 di Pusat Dagangan Dunia Putra merupakan majlis berprestij yang menghimpunkan warga institusi, alumni dan tetamu kehormat. Majlis ini dirasmikan oleh Mahathir Mohamad yang menekankan kepentingan perpaduan dan pendidikan dalam pembangunan negara. Acara meliputi ucapan, penyampaian cenderamata serta penghargaan kepada tokoh penyumbang, sekaligus memperkukuh jaringan silaturahim dan komitmen institusi terhadap pembangunan generasi terpelajar.



SCAN

BUKU CENDERAMATA MALAM KIAMBANG BERTAUT SIMBOL PENYATUAN ALUMNI



Buku cenderamata berusia 38 tahun sempena Malam Kiambang Bertaut diterbitkan sebagai usaha menyatukan semula bekas pelajar Dewan Latihan RIDA, Maktab MARA dan Institut Teknologi MARA sejak 1956. Bertemakan perpaduan dan penggabungan tenaga, penerbitan ini mencerminkan aspirasi nasional bahawa kemakmuran negara hanya dapat dicapai melalui kerjasama dan kesatuan semua pihak.



SCAN

SEMINAR INDUSTRI PENERBITAN CERMINKAN KOMITMEN PELAJAR ITM



Pelajar semester 3 Kursus Penerbitan ITM menganjurkan Seminar Industri Penerbitan pada 23 Februari 1991 di ITM Shah Alam yang menekankan cabaran industri serta peranannya dalam pembangunan budaya ilmu. Seminar ini menampilkan pembentang daripada Dewan Bahasa dan Pustaka, Fajar Bakti Sdn. Bhd., Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Awam dan Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. serta berjaya menarik kira-kira 100 peserta.



SCAN



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:

03 5521 1704

korporatptar@uitm.edu.my

*Unit Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak,
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam*